

Soalan No:56

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]

**TARIKH :** 28.11.2017

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan pembinaan untuk 10 buah SJKC baru dan 6 SJKC yang akan dipindahkan dan dipindahkan dan bilakah ianya akan disiapkan sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam pembinaan sekolah baharu yang melibatkan agensi pusat dan pihak berkuasa tempatan. Pada dasarnya, anggaran kos bagi pembinaan sesebuah sekolah baharu bergantung kepada skop projek (bilangan bilik darjah dan kemudahan lain) serta keadaan tapak projek. Sehubungan dengan itu, anggaran kos pembinaan bagi sepuluh (10) buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) baharu dan enam (6) buah SJKC yang dipindahkan tersebut hanya boleh diketahui setelah skop projek sekolah-sekolah tersebut telah ditetapkan